- 2.1 Pemotongan tabarru' akan dikenakan dengan menolak satu jumlah yang bersamaan dengan jumlah tabarru' dari akaun peserta, pada setiap bulanan.
- 2.2 Sekiranya berlaku kekurangan di dalam akaun peserta dan dengan syarat tiada sumbangan yang tidak dibayar, pemotongan tabarru' akan ditangguhkan dan kontrak akan terus berkuatkuasa. Tunggakan tabarru' akan dibayar balik dari sumbangan yang seterusnya, mana-mana keuntungan pelaburan atau lebihan peserta dari dana tabarru' peserta-peserta, atau pemotongan dari mana-mana manfaat yang boleh dibayar di bawah kontrak, berdasarkan kes.

3. Lebihan di dalam dana tabarru' peserta-peserta

- 3.1 Lebihan yang terdapat di dalam dana tabarru' peserta-peserta, selepas pembayaran semula sebarang qard, akan diagihkan di antara peserta dan operator. Peruntukan lebihan di dalam dana tabarru' peserta-peserta kepada operator, dana khas dan akaun peserta adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual yuran wakalah dan perkongsian keuntungan. Lebihan dana tabarru' adalah berdasarkan kepada pengalaman sebenar dan tidak dijamin.

D. Ciri-ciri kontrak

1. Huraian

- 1.1 Kontrak ini adalah takaful perubatan dan kesihatan dengan terma jaminan pembaharuan tahunan bersyarat yang luput pada ulang tahun kontrak serta-merta berikutan peserta kanak-kanak mencapai umur 23 tahun. Kontrak ini menyediakan perlindungan atas manfaat yang ditetapkan yang tertakluk kepada syarat yang terkandung di dalam dokumen kontrak ini dan yang diendorskan di dalam dokumen kontrak ini.

2. Takrifan

- 2.1 Adalah diisytiharkan dengan jelas dan dengan ini dipersetujui bahawa untuk tujuan kontrak ini, perkataan berikut ditakrifkan sebagai:
 - (a) **Kekal**
Satu keadaan yang tidak dapat dipulihkan dengan pengetahuan dan teknologi perubatan terkini.
 - (b) **Anomali kongenital**
Mana-mana keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud semasa waktu kelahiran, serta keabnormalan fizikal neo-natal yang terjadi dalam masa enam (6)

bulan dari waktu kelahiran. Ini termasuk semua jenis hernia dan sawan kecuali yang disebabkan oleh trauma, yang mana berlaku semasa perlindungan peserta berkuatkuasa di bawah kontrak ini.

(c) **Perlu dari segi perubatan**

Perkhidmatan perubatan yang:

- i. konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim untuk hilang upaya atau penyakit yang dilindungi; dan
- ii. sejajar dengan standard amalan perubatan baik, konsisten dengan standard semasa penjagaan perubatan profesional, dan dengan manfaat perubatan terbukti; dan
- iii. bukan untuk kemudahan peserta kanak-kanak atau pengamal perubatan berkelayakan, dan tidak dapat dilakukan sewajarnya di luar hospital (sekiranya dimasukkan sebagai pesakit dalam); dan
- iv. bukan berbentuk eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, pencegahan atau saringan.

(d) **Keadaan sedia ada**

Sebarang keadaan yang wujud sebelum tarikh pengeluaran takaful peserta, dan peserta dan/atau pemegang kontrak mempunyai pengetahuan yang sewajarnya. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penyakit sedia ada di mana keadaannya merupakan salah satu daripada:

- i. Peserta telah menerima atau sedang menerima rawatan; atau
- ii. Nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan yang telah disyorkan; atau
- iii. Gejala-gejala yang ketara dan nyata adalah ataupun telah jelas; atau
- iv. Kewujudannya adalah jelas kepada seseorang yang waras di dalam keadaan-keadaan tersebut.

(e) **Pengamal perubatan berdaftar**

Doktor, doktor perubatan atau doktor pembedahan yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan sewaktu menjalankan rawatan, mengamalkan apa yang dibenarkan menurut skop lesen dan latihan beliau, tetapi doktor, doktor perubatan atau doktor pembedahan yang mana adalah peserta diri sendiri adalah dikecualikan.

Rujukan dibuat di atas “perunding yang bersesuaian”, “pakar neurologi”, “pakar oftalmologi” atau “pakar kardiologi” bermaksud pengamal ubatan berdaftar yang mempunyai kepakaran unggul dan khusus dalam bidang perubatan tertentu untuk mengenal pasti penyakit atau hilang upaya spesifik.

3. Peruntukan penyakit kritikal juvenil (JCI)

3.1 Penyakit kritikal juvenil ditakrifkan seperti berikut:

(a) **Trauma kepala utama**
Kecacatan neurologikal atau kehilangan keupayaan intelektual kekal akibat dari kerosakan otak yang disebabkan oleh kemalangan atau kecederaan bagi tempoh berterusan sekurang-kurangnya (6) bulan dan mestilah disokong oleh bukti perubatan bersesuaian yang disahkan oleh ahli neurologi berkelayakan yang berdaftar di Malaysia.

(b) **Pembedahan otak**
Pembedahan otak sebenar yang dijalani di bawah anesthetic am di mana kraniotomi dilakukan. Termasuk pembedahan lubang kunci (keyhole). Walau bagaimanapun, pembedahan otak yang disebabkan oleh kemalangan dan pembedahan lubang burr untuk mengeluarkan darah beku adalah dikecualikan. Prosedur mestilah dianggap perlu dari segi perubatan oleh pakar neurologi berkelayakan yang berdaftar di Malaysia.

(c) **Kehilangan anggota badan atau kehilangan penggunaan anggota badan dan buta**

Berlakunya mana-mana kejadian yang berikut:

- i. Kehilangan penglihatan yang menyeluruh, kekal dan tidak boleh dipulihkan pada kedua-dua mata; atau
- ii. Kehilangan akibat putus atau kehilangan penggunaan menyeluruh pada dua anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau
- iii. Kehilangan penglihatan yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan pada sebelah mata dan kehilangan akibat putus atau kehilangan penggunaan menyeluruh pada satu anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali.

Kehilangan penggunaan mestilah wujud untuk tempoh berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan disokong oleh bukti perubatan bersesuaian yang disahkan oleh pakar neurologi berkelayakan yang berdaftar di Malaysia.

(d) **Kanser**

Ketumbuhan dan sebaran sel malignan yang tidak dapat dikawal dan serangan dan kemusnahan tisu normal di mana rawatan atau pembedahan intervensi utama (tidak termasuk prosedur endoskopik sahaja) dianggap perlu. Kanser tersebut mestilah disahkan menerusi bukti histologi malignansi.

Keadaan-keadaan berikut tidak termasuk di dalam takrifan kanser di bawah kontrak ini:

- i. Karsinoma In Situ;
- ii. Semua kanser kulit kecuali melanoma malignan;
- iii. Tumor-tumor yang muncul akibat komplikasi Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS).

Takrifan kanser juga termasuk diagnosis Leukemia yang nyata, disahkan secara histologi, memerlukan rawatan kemoterapi dan/atau radioterapi.

- (e) **Demam reumatik dengan kecacatan valvular**
Diagnosis demam reumatik akut yang disahkan oleh pakar pediatrik berkeelayakan yang berdaftar di Malaysia, menurut kriteria pengubahan Jones. Mesti terdapat penglibatan satu (1) atau lebih injap jantung dan sekurang-kurangnya ketidakcekapan ringan injap yang berpunca daripada demam reumatik yang disahkan oleh ujian kuantitatif ke atas fungsi injap oleh ahli kardiologi berkeelayakan yang berdaftar di Malaysia.
- (f) **Penyakit Kawasaki dengan komplikasi jantung**
Diagnosis penyakit Kawasaki oleh pakar pediatrik atau ahli reumatologi berkeelayakan yang berdaftar di Malaysia. Mesti terdapat bukti ekokardiografi dari penglibatan jantung yang diwujudkan oleh dilasi atau pembentukan aneurisme dalam arteri koronari yang hadir sekurang-kurangnya enam bulan selepas episod akut pertama.
- (g) **Rheumatoid arthritis juvenil yang teruk**
Rheumatoid arthritis juvenil yang teruk seperti didiagnos oleh pakar reumatologi berkeelayakan yang berdaftar di Malaysia, dengan kerosakan sendi yang luas dan kecacatan klinikal utama pada sekurang-kurangnya tiga atau lebih kawasan sendi di bawah:
- i. Tangan;
 - ii. Pergelangan tangan;
 - iii. Siku;
 - iv. Lutut;
 - v. Pinggul;
 - vi. Buku lali;
 - vii. Spina servikal;
 - viii. Sendi Metatarsofalanks pada kaki.
- Gejala-gejala arthritis haruslah berlanjutan untuk sekurang-kurangnya satu (1) tahun.
- (h) **Melecur yang teruk**
Melecur darjah ketiga yang mengakibatkan kerosakan kulit ketebalan penuh yang meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) permukaan badan peserta kanak-kanak mengikut ukuran "The Rule of 9" dalam Carta Permukaan Badan Lund dan Browder.
- (i) **Pemindahan organ utama**
Pemindahan sebenar yang dialami sebagai penerima salah satu organ manusia yang berikut:
- i. Buah pinggang;
 - ii. Paru-paru;
 - iii. Hati;

- iv. Jantung;
- v. Sumsum tulang.

(j) **Ensefalitis**

Inflamasi yang teruk pada bahagian otak, dan mengakibatkan kecacatan neurologikal yang kekal selama tempoh minimum tiga puluh (30) hari dan disahkan oleh pakar neurologi berkelayakan yang berdaftar di Malaysia.

3.2 **Manfaat**

Operator akan membayar, berikutan peserta kanak-kanak didiagnos menghidapi satu atau lebih penyakit kritikal juvenil yang ditakrifkan di sini sementara kontrak ini berkuatkuasa, jumlah berikut:

- (a) Manfaat takaful penyakit kritikal juvenil yang dinyatakan pada jadual kontrak ini atau diendors di sini, dari dana tabarru' peserta-peserta;
- (b) Nilai akaun peserta pada tarikh permulaan penyakit.

3.3 **Bayaran manfaat**

Manfaat di bawah kontrak ini akan dibayar kepada pemegang kontrak seperti yang dilantikkan di dalam jadual atau oleh pemegang serah haknya, pelaksana, pentadbir, penama atau wakil sah lain yang layak untuk menerima wang di bawah kontrak ini kecuali dinyatakan sebaliknya dengan notis bertulis oleh pemegang kontrak kepada operator selepas tarikh berkuatkuasa kontrak ini.

Sebarang jumlah tunggakan akan diselaraskan dari manfaat yang boleh dibayar.

3.4 **Notis tuntutan**

Notis tuntutan bertulis mestilah diberikan dalam masa enam (6) bulan dari tarikh diagnosis penyakit yang pertama. Kegagalan untuk memberikan notis dalam masa tersebut tidak akan menjadikan sebarang tuntutan tidak sah jika pemberian notis secara munasabah adalah tidak mungkin dalam masa yang ditentukan dan notis tersebut telah diberikan secara munasabah dengan secepat yang mungkin.

3.5 **Bukti penyakit**

Bukti perubatan yang secukupnya mestilah disediakan, tanpa sebarang kos kepada operator, yang memuaskan hati operator. Setiap diagnosis untuk mana-mana penyakit kritikal yang disebut di atas, mesti disokong oleh bukti klinikal, radiologikal, histologikal dan makmal yang boleh diterima pakai dan disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar.

3.6 **Pemeriksaan perubatan**

Operator mempunyai hak untuk memeriksa peserta kanak-kanak pada bila-bila masa yang ia anggap perlu.

3.7 **Pengecualian**

Kontrak tidak melindungi sebarang manfaat berhubungan dengan penyakit kritikal juvenil yang disebabkan oleh, atau akibat dari, atau berpunca oleh satu atau lebih dari perkara yang berikut:

- (a) Sebarang keadaan sedia ada yang wajar diketahui sama ada oleh peserta kanak-kanak atau pemegang kontrak; atau
- (b) Sebarang anomali kongenital; atau

- (c) Keadaan yang timbul pada kali pertamanya dan rawatan diterima sewaktu tempoh tenggang kecuali penyakit kritikal juvenil yang disebabkan oleh kecederaan kemalangan; atau
- (d) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) kecuali AIDS atau HIV yang diperolehi melalui pemindahan darah yang diterima di Malaysia atau Singapura selepas kontrak ini berkuatkuasa; atau
- (e) Tindakan melukai diri sendiri atau sebarang cubaan mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau cubaan membunuh diri, sama ada ketika waras atau tidak waras; atau
- (f) Sebarang tindakan yang melanggar undang-undang atau haram oleh peserta kanak-kanak atau pemegang kontrak; atau
- (g) Penyakit atau gangguan mental, penyakit psikiatrik atau psikologi atau gangguan saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik mereka) pada peserta kanak-kanak.

3.8 Penamatan

Bagi mengelakkan keraguan, dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa kontrak ini akan ditamatkan secara automatik dan semua manfaat lain yang boleh dibayar di bawah kontrak ini tidak akan dikenakan atau dibayar apabila peserta kanak-kanak menghadapi penyakit kritikal juvenil. Sekiranya bayaran dibuat di antara tarikh permulaan penyakit dan tarikh pengakuan penyakit di bawah manfaat yang dijanjikan di bawah perlindungan tambahan, bayaran sedemikian akan dipotong dari bayaran manfaat penyakit kritikal juvenil.

4. Peruntukan hilang upaya menyeluruh dan kekal juvenil (JTPD)

4.1 Takrifan hilang upaya menyeluruh dan kekal juvenil

- (a) "Hilang upaya menyeluruh dan kekal juvenil" bermaksud hilang upaya secara menyeluruh dan kekal dan berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan, dengan peserta kanak-kanak tidak mampu untuk melakukan sebarang kerja atau menjalani sebarang pekerjaan atau profesion untuk menerima atau mendapatkan gaji, ganti rugi atau keuntungan, dari masa hilang upaya bermula.
- (b) Sekiranya peserta kanak-kanak berumur lapan belas (18) tahun atau ke bawah, "hilang upaya menyeluruh dan kekal juvenil" ditakrif sebagai keadaan ketidakmampuan yang mana peserta kanak-kanak kena tinggal di rumah, menginap di hospital atau institusi lain yang sentiasa memerlukan penjagaan dan perhatian perubatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut.

4.2 Manfaat

Ketika kontrak berkuatkuasa, sekiranya peserta kanak-kanak mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal juvenil, operator bersetuju untuk membayar jumlah sekali gus yang bersamaan dengan jumlah berikut:

- (a) Manfaat takaful hilang upaya menyeluruh dan kekal juvenil seperti yang dinyatakan pada jadual kontrak atau diendorses di sini, dari dana tabarru' peserta-peserta;
- (b) Nilai akaun peserta pada tarikh permulaan hilang upaya.

4.3 **Bayaran manfaat**

Berikutan pengakuan operator akan berlakunya hilang upaya sedemikian, bayaran akan dibuat dengan serta-merta selepas penyerahan bukti tuntutan hilang upaya, kepada pemegang kontrak seperti yang dilantikkan di dalam jadual atau pemegang serah haknya, pelaksana, pentadbir, penama atau wakil sah lain yang layak untuk menerima wang di bawah kontrak ini kecuali dinyatakan sebaliknya dengan notis bertulis oleh pemegang kontrak kepada operator selepas tarikh berkuatkuasa kontrak ini.

Sebarang jumlah tunggakan akan diselaraskan dari manfaat yang boleh dibayar.

4.4 **Notis tuntutan**

Notis tuntutan bertulis mestilah diberikan kepada operator dalam masa enam (6) bulan dari tarikh permulaan hilang upaya. Kegagalan untuk memberikan notis dalam masa tersebut tidak akan menjadikan sebarang tuntutan tidak sah jika pemberian notis secara munasabah adalah tidak mungkin dalam masa yang ditentukan dan notis tersebut telah diberikan secara munasabah dengan secepat yang mungkin.

4.5 **Bukti tuntutan**

Pengakuan sebarang tuntutan adalah tertakluk kepada bukti yang wajar diperlukan oleh operator dan tanpa sebarang kos kepada operator. Sebarang pemeriksa perubatan yang dinamakan oleh operator akan dibenarkan untuk memeriksa peserta kanak-kanak berhubung dengan mana-mana tuntutan hilang upaya, dalam cara sedemikian dan masa sedemikian, sebelum dan/atau selepas hilang upaya diakui oleh operator seperti yang dikehendaki oleh operator.

4.6 **Pengecualian**

Kontrak tidak melindungi sebarang manfaat berhubung dengan hilang upaya menyeluruh dan kekal juvenil yang disebabkan oleh, akibat dari, atau berpunca oleh satu atau lebih perkara yang berikut:

- (a) Sebarang keadaan sedia ada yang wajar diketahui sama ada oleh peserta kanak-kanak atau pemegang kontrak; atau
- (b) Sebarang anomali kongenital; atau
- (c) Keadaan yang timbul pada kali pertamanya dan rawatan diterima sewaktu tempoh tenggang kecuali penyakit kritikal juvenil yang disebabkan oleh kecederaan kemalangan; atau
- (d) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) kecuali AIDS atau HIV yang diperolehi melalui pemindahan darah yang diterima di Malaysia atau Singapura selepas kontrak ini berkuatkuasa; atau
- (e) Tindakan melukai diri sendiri atau cubaan mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau cubaan membunuh diri, sama ada ketika waras atau tidak waras; atau
- (f) Sebarang tindakan yang melanggar undang-undang atau haram oleh peserta kanak-kanak atau pemegang kontrak; atau
- (g) Penyakit atau gangguan mental, penyakit psikiatrik atau psikologi atau gangguan saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik mereka) oleh peserta kanak-kanak.

4.7 **Penamatan**

Bagi mengelakkan keraguan, dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa kontrak ini akan ditamatkan secara automatik dan semua manfaat lain yang boleh dibayar di bawah kontrak ini tidak akan dikenakan atau dibayar apabila peserta kanak-kanak mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal juvenil dan selepas pengakuan operator atas tuntutan untuk manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal juvenil. Sekiranya bayaran dibuat di antara tarikh permulaan hilang upaya dan tarikh pengakuan hilang upaya di bawah manfaat yang dijanjikan di bawah perlindungan tambahan, bayaran sedemikian akan dipotong dari bayaran manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal juvenil.

5. **Had manfaat JCI dan JTPD**

- 5.1 Jumlah bagi manfaat JCI yang boleh dibayar dari dana tabarru' peserta-peserta, ke atas mana-mana peserta, di bawah kontrak ini dan semua kontrak takaful individu dan berkelompok operator yang lain, adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000).
- 5.2 Jumlah bagi manfaat JTPD yang boleh dibayar ke atas mana-mana peserta, dari dana tabarru' peserta-peserta di bawah kontrak ini dan semua kontrak takaful individu operator yang lain, adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000).
- 5.3 Sekiranya manfaat penyakit kritikal atau manfaat TPD telah dihadkan oleh penggunaan klausa ini, sebarang jumlah manfaat terhad yang boleh dibayar akan dipotong dari jumlah manfaat takaful dan kontrak akan diteruskan sehingga luput pada sumbangan yang sama dengan perlindungan dikurangkan bagi manfaat yang masih terdapat di bawah kontrak ini.

6. **Peruntukan pendapatan harian**

6.1 Takrifan

(a) **Hospital**

Sebuah institusi berlesen, yang sah beroperasi mengikut undang-undang di mana fungsi utamanya adalah menyediakan penjagaan perubatan dan rawatan kepada orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit dalam, dan menyediakan perkhidmatan kejururawatan 24 jam, dan mempunyai kemudahan untuk membuat diagnosis dan menjalankan pembedahan besar. Ianya tidak termasuk yang berikut:

- i. Klinik swasta;
- ii. Rumah bersalin;
- iii. Rumah rehat;
- iv. Kemudahan rawatan penjagaan tempoh panjang;
- v. Rumah untuk orang tua;
- vi. Mana-mana kemudahan di mana keutamaannya adalah memberikan penjagaan yang bersifat pembaikan, pemulihan atau penyembuhan;
- vii. Mana-mana kemudahan di mana keutamaannya adalah untuk penginapan atau rawatan penyalahgunaan dadah atau ketagihan atau alkoholisme.

(b) **Kemasukan hospital/Kemasukan ke hospital**

Dimasukkan ke hospital sekurang-kurangnya enam (6) jam sebagai pesakit dalam berdaftar untuk rawatan yang perlu dari segi perubatan bagi hilang upaya yang dilindungi atas cadangan pengamal perubatan berdaftar. Pesakit tidak akan dianggap sebagai pesakit dalam sekiranya pesakit tidak tinggal di hospital sepanjang tempoh penginapan.

6.2 **Manfaat**

Sekiranya peserta kanak-kanak menginap di hospital sebagai pesakit dalam akibat dari penyakit atau kemalangan, manfaat pendapatan hospital harian seperti yang dinyatakan di dalam jadual kontrak atau diendors di sini akan dibayar untuk hari (hari-hari) di mana peserta kanak-kanak dimasukkan ke hospital, tetapi tidak melebihi satu ratus (100) hari dari jumlah hari kemasukan ke hospital yang disebabkan oleh penyakit atau kemalangan yang sama, dan tertakluk kepada had jangka hayat maksimum tujuh ratus tiga puluh (730) hari. Manfaat pendapatan hospital harian tidak disediakan selepas tarikh luput kontrak takaful.

6.3 **Pendapatan hospital harian tiga kali ganda untuk Unit Rawatan Rapi (ICU)**

Sekiranya peserta kanak-kanak menginap di Unit Rawatan Rapi hospital sebagai pesakit dalam akibat dari penyakit atau kemalangan, manfaat pendapatan hospital harian tiga kali ganda seperti yang dinyatakan di dalam jadual kontrak atau diendors di sini, akan dibayar untuk hari (hari-hari) peserta kanak-kanak menginap di hospital, tertakluk kepada had maksimum tiga puluh (30) hari setiap tahun kontrak.

Unit Rawatan Rapi merupakan bahagian hospital (selain dari bilik pemulihan selepas pembedahan), di samping menyediakan bilik dan penginapan:

- (a) ditubuhkan oleh hospital bagi program rawatan rapi formal;
- (b) disediakan khas untuk pesakit kritikal yang sentiasa memerlukan pemerhatian audiovisual yang ditentukan dan dilaksanakan oleh pakar perubatan atau jururawat terlatih khas berkelayakan yang berdaftar;
- (c) yang menyediakan penjagaan kejururawatan rapi dua puluh empat (24) jam oleh jururawat terlatih khas berkelayakan yang berdaftar; dan
- (d) yang menyediakan semua peralatan, ubat-ubatan dan bekalan perlu untuk menyelamatkan nyawa, di persekitaran terdekat dan tunggu-sedia.

6.4 **Bayaran manfaat**

Manfaat di bawah kontrak akan dibayar kepada pemegang kontrak seperti yang dilantik di dalam jadual atau pemegang serah hak, pelaksana, pentadbir, penama atau wakil sah lain yang layak untuk menerima wang di bawah kontrak ini kecuali dinyatakan sebaliknya dengan notis bertulis oleh pemegang kontrak kepada operator selepas tarikh berkuatkuasa kontrak ini.

6.5 **Notis tuntutan**

Berhubungan dengan setiap tuntutan bagi manfaat ini, notis bertulis mestilah diberikan kepada Ibu Pejabat operator dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh kemasukan peserta kanak-kanak ke hospital. Kegagalan untuk menyediakan notis sedemikian dalam masa yang dibenarkan tidak akan menjadikan sebarang tuntutan tidak sah jika penyediaan notis secara munasabah adalah tidak mungkin dan notis tersebut telah disediakan secara munasabah dengan secepat yang mungkin.

6.6 **Bukti kemasukan ke hospital**

Pengakuan sebarang tuntutan adalah tertakluk kepada bukti yang wajar diperlukan oleh operator dan tanpa sebarang kos kepada operator. Bukti tuntutan mestilah disediakan kepada operator sewaktu jangka hayat peserta kanak-kanak dan dalam masa enam (6) bulan dari tarikh kemasukan ke hospital.

6.7 **Pengecualian**

Kontrak tidak melindungi sebarang manfaat berhubungan dengan pendapatan hospital harian atau pendapatan hospital harian tiga kali ganda bagi Unit Rawatan Rapi yang disebabkan oleh, akibat dari, atau berpunca oleh satu atau lebih perkara yang berikut:

- (a) Sebarang keadaan sedia ada yang wajar diketahui sama ada oleh peserta kanak-kanak atau pemegang kontrak; atau
- (b) Sebarang anomali kongenital; atau
- (c) Keadaan yang timbul pada kali pertamanya dan rawatan diterima sewaktu tempoh tenggang kecuali penyakit kritikal juvenil yang disebabkan oleh kecederaan kemalangan; atau
- (d) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan oleh mana-mana Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) kecuali AIDS atau HIV yang diperolehi melalui pemindahan darah yang diterima di Malaysia atau Singapura selepas kontrak ini berkuatkuasa; atau
- (e) Tindakan melukai diri sendiri dengan sengaja atau cubaan mencederakan diri sendiri atau cubaan membunuh diri, sama ada ketika waras atau tidak waras; atau
- (f) Sebarang tindakan yang melanggar undang-undang atau haram oleh peserta kanak-kanak atau pemegang kontrak; atau
- (g) Penyakit atau gangguan mental, penyakit psikiatrik atau psikologi atau gangguan saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik mereka) pada peserta kanak-kanak; atau
- (h) Kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran melalui pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan penjagaan prenatal atau postnatum, kaedah pencegah kehamilan secara kimia atau mekanikal atau rawatan berkaitan ketidaksuburan.

7. **Bayaran manfaat ke atas kematian**

7.1 **Kematian peserta kanak-kanak**

Sekiranya peserta kanak-kanak meninggal dunia, nilai akaun peserta diselaraskan dengan sebarang jumlah tunggakan akan dibayar dan semua manfaat dan perlindungan takaful akan ditamatkan.

8. **Bayaran manfaat di akhir tempoh takaful**

- 8.1 Sekiranya kontrak berkuatkuasa pada akhir tempoh takaful, nilai akaun peserta diselaraskan dengan sebarang jumlah tunggakan akan dibayar dan semua manfaat dan perlindungan takaful akan ditamatkan.

E. Pelaburan

Operator akan melaburkan semua sumbangan yang diterima mengikut prinsip-prinsip Shariah. Operator layak untuk menerima peratusan tertentu dari keuntungan pelaburan yang diperolehi pada akaun peserta seperti yang dinyatakan dalam jadual yuran wakalah dan perkongsian keuntungan. Keuntungan pelaburan adalah berdasarkan prestasi sebenar dana dan ia tidak dijamin. Risiko pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh peserta dan manfaat mungkin kurang dari jumlah sumbangan yang telah disumbangkan ke dalam akaun peserta.

F. Penyerahan

1. Nilai tunai

- 1.1 Perlindungan takaful peserta mungkin memperoleh nilai tunai bersamaan dengan nilai akaun peserta tolak sebarang jumlah tunggakan dan mana-mana caj penyerahan yang dikenakan dan ditentukan oleh operator. Nilai tunai akan dibayar berikutan penyerahan perlindungan takaful.

2. Caj penyerahan

- 2.1 Apabila kontrak diserahkan (kecuali semasa penggunaan syarat penarikan balik portfolio), hasilnya akan ditolak dengan caj penyerahan yang berkaitan.
- 2.2 Caj penyerahan semasa ditunjukkan di dalam jadual yuran wakalah, perkongsian keuntungan dan caj penyerahan.

3. Bayaran nilai penyerahan

- 3.1 Selepas kontrak ini berkuatkuasa, kontrak ini akan memperoleh nilai penyerahan seperti yang ditentukan oleh operator. Nilai penyerahan bersih, merupakan nilai penyerahan tolak semua hutang tunggakan di bawah kontrak dan caj penyerahan, akan disediakan untuk pemilik sah kontrak ini:
 - (a) Apabila penyerahan kontrak dibuat oleh pemegang kontrak dengan memberikan notis bertulis kepada operator; atau
 - (b) Apabila sumbangan tidak dibayar selepas tempoh tenggang; atau
 - (c) Apabila syarat penarikan balik portfolio dilaksanakan oleh operator.

Tiada caj penyerahan akan dikenakan untuk pelaksanaan syarat penarikan balik portfolio.

4. Ketersediaan pengeluaran separa

- 4.1 Pengeluaran separa adalah tidak dibenarkan.

G. Pembatalan

Pemegang kontrak boleh membatalkan kontrak ini pada bila-bila masa dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran dengan mengembalikan kontrak kepada operator dan sumbangan yang telah dibayar akan dipulangkan.

H. Peruntukan pemilikan

1. Pemegang kontrak

1.1 Pemilikan kontrak ini adalah hak pemegang kontrak. Hanya pemegang kontrak boleh menggunakan kesemua hak, hak keistimewaan dan pilihan yang disediakan di bawah kontrak ini.

2. Penyerahan hak

2.1 Pemilikan, hak dan hak keistimewaan kontrak ini boleh diserahkan, seperti yang dikawalkan oleh undang-undang yang lazim.

2.2 Operator tidak akan mengiktiraf sebarang penyerahan hak ke atas kontrak kecuali notis (salinan) penyerahan hak sedemikian diberikan kepada Ibu Pejabat operator. Dalam pendaftaran atau pengakuan notis penyerahan hak sedemikian, operator tidak akan menerima sebarang tanggungjawab ke atas kesahan penyerahan hak sedemikian.

I. Tindakan undang-undang

Tiada tindakan undang-undang atau dalam ekuiti akan dibawa untuk menuntut semula sebarang manfaat yang dinyatakan di sini sebelum penamatan tempoh satu (1) tahun atau selepas penamatan dua (2) tahun dari tarikh tuntutan.

J. Takaful semula

Operator dibenarkan untuk mendapatkan takaful semula dari mana-mana pihak yang operator anggap sesuai, untuk manfaat peserta.

K. Penamatan

Takaful di bawah kontrak ini akan tamat secara automatik, pada kejadian pertama mana-mana perkara yang berikut:

- (a) Pada ikhtiar hidup peserta kanak-kanak ke hari terakhir; atau
- (b) Kematian peserta kanak-kanak; atau
- (c) Peserta kanak-kanak menghadapi penyakit kritikal juvenil; atau
- (d) Peserta kanak-kanak mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal juvenil; atau
- (e) Sekiranya sebarang sumbangan kontrak tidak dibayar pada akhir tempoh tenggang seperti yang dinyatakan di dalam Peruntukan B (5); atau

- (f) Pembayaran nilai penyerahan selaras dengan Peruntukan F; atau
- (g) Pembatalan selaras dengan Peruntukan G; atau
- (h) Penggunaan penarikan balik portfolio selaras dengan Peruntukan A (8).

Pembatalan kontrak ini adalah tanpa prejudis ke atas sebarang tuntutan yang timbul sebelum pembatalan sedemikian.

- Kami sengaja membiarkan baki muka surat ini kosong -

RIDER MANFAAT PENYAMBUNGAN WAJIB

A. Kontrak tambahan

Kontrak tambahan ini, yang dilampirkan kepada kontrak asas, membentuk sebahagian daripada kontrak. Kontrak tambahan ini tidak boleh diserahkan atau dibatalkan tanpa menyerahkan atau membatalkan kontrak asas.

1. Manfaat

- 1.1 Dengan syarat bahawa kontrak asas dan kontrak tambahan ini berkuatkuasa dan sentiasa tertakluk kepada syarat-syarat yang mengawal kontrak seperti yang terkandung di sini dan seperti yang diendoskan di dalam dokumen kontrak ini, jumlah sekali gus bersamaan dengan semua pemotongan tabarru' berjadual yang jatuh dalam tempoh di antara tarikh kematian pemegang kontrak dan tarikh akhir kontrak, akan dipindahkan dari akaun tabarru' peserta-peserta kepada akaun peserta kontrak ini.
- 1.2 Pemotongan tabarru' akan terus dijelaskan dengan memotong satu jumlah bersamaan dengan jumlah tabarru' dari akaun peserta, pada setiap bulanan.
- 1.3 Sekiranya berlaku kekurangan di dalam akaun peserta dan dengan syarat tiada sumbangan yang tidak dibayar, pemotongan tabarru' akan ditangguhkan dan kontrak akan terus berkuatkuasa. Tunggakan tabarru' akan dibayar balik dari mana-mana pelaburan keuntungan atau lebihan peserta dari dana tabarru' peserta-peserta, atau pemotongan dari mana-mana manfaat yang boleh dibayar di bawah kontrak, berdasarkan kes.

2. Sumbangan

- 2.1 Sumbangan kontrak manfaat tambahan ini adalah seperti yang ditentukan di dalam jadual kontrak dan dibayar pada kekerapan yang sama berserta dengan sumbangan untuk perlindungan asas.
- 2.2 Sumbangan pembaharuan tidak dijamin dan operator berhak menyemak semula sumbangan pada ulang tahun kontrak.

3. Notis tuntutan

- 3.1 Notis tuntutan bertulis mesti diserahkan kepada operator dengan menyediakan bukti kematian dalam dokumen yang diminta oleh operator dengan perbelanjaan ditanggung oleh pihak menuntut.

4. Pengecualian

- 4.1 Tiada manfaat akan di bayar untuk mana-mana keadaan berikut dan sumbangan yang telah dibayar akan dipulangkan:
 - (a) Kematian ibubapa peserta, yang berlaku pada dua puluh empat (24) bulan pertama dari tarikh kontrak dikeluarkan, berikutan, akibat dari atau berpunca oleh keadaan sedia ada, seperti yang ditakrifkan di sini; atau

- (b) Sekiranya ibubapa peserta membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula, berdasarkan kes.

5. Penamatan

5.1 Takaful di bawah kontrak tambahan ini akan tamat secara automatik pada kejadian salah satu perkara yang berikut, yang mana terdahulu:

- (a) Kematian ibubapa peserta; atau
- (b) Sekiranya kontrak asas ditamatkan selaras dengan peruntukan yang terkandung di dalam dokumen kontrak asas.

Penamatan adalah tanpa prejudis terhadap sebarang tuntutan yang timbul sebelum penamatan sedemikian.

- Kami sengaja membiarkan baki muka surat ini kosong -